

Hanoi didakwa

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

cuba pecah paduan Asean

SINGAPURA, Khamis — Menteri Luar Singapura, S. Dhanabalan, menuduh Vietnam mengadakan "langkah-langkah taktik" untuk memecah-belahkan perpaduan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (Asean).

Dalam temubualnya dengan harian *Straits Times* hari ini, Encik Dhanabalan berkata, Vietnam tidak berusaha untuk menyetujui saranan Thailand agar ia mengundurkan tenteranya 30 km dari sempadan Thailand sebagai langkah memberi keyakinan.

Katanya, "Saya tidak nampak bukti yang jujur di pihak Vietnam untuk memenuhi saranan Thai itu. Sejauh ini, yang saya nampak hanyalah langkah taktik untuk memecah-belahkan persatuan kami yang padu dan kuat untuk menentang tindakan mereka.

"Jadi, mengatakan ada kemungkinan berunding dengan kami (Asean) atau mendakwa mengundurkan sebahagian tente-

ranya — hanya untuk melembutkan tentangan terhadap tindakan mereka."

Encik Dhanabalan serta Menteri-Menteri Luar Asean yang lain — Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina — memulakan persidangan empat hari di Bangkok esok bagi membincangkan pertikaian Kampuchea.

Bekalan

Asean menentang kehadiran askar-askar Vietnam yang dianggarkan berjumlah 180,000 di Kampuchea.

"Jika Vietnam bersedia mengakhiri soal Kampuchea, mereka hendaklah berundur 30 km dan berunding dengan kami tentang cara-cara mencari penyelesaian... itu pun jika mereka sanggup. Kemudian barulah kami lebih-lebih lagi bersedia untuk berunding."

Katanya lagi, "Sebarang penyelesaian terhadap pertikaian itu "akan memelihara kepentingan

Vietnam dan mengatasi setengah-setengah kebimbangan mereka." Yang dimaksudkan ialah kebimbangan Hanoi terhadap ancaman China jika ia berundur.

China dan Asean menyokong kerajaan campuran Demokratik Kampuchea yang menentang kerajaan sokongan Hanoi, di Pnom Penh. Peking membekalkan senjata kepada kumpulan komunis Khmer Rouge manakala Singapura, memberi peralatan tentera kepada kumpulan-kumpulan bukan komunis dalam kerajaan campuran itu.

Dalam ulasannya mengenai kejayaan Asean, Encik Dhanabalan bersetuju perkembangan di Kampuchea menyebabkan persefahaman yang lebih erat di kalangan negara-negara Asean untuk bertindak.

Menteri-Menteri Luar Asean itu akan menemui rakan-rakan seawat mereka dari Amerika, Kanada, Jepun, Pasaran Bersa Eropah, Australia dan New Zealand pada 27 dan 28 Jun. — Reuter.